



PERATURAN PERMAINAN PING PONG CAMPURAN
KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KARI STA UiTM)

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa dan Peraturan Am Karnival Sukan Staf (KARI STA) UiTM.

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan secara **BERPASUKAN**.

3.0 FORMAT PERTANDINGAN

3.1 Pertandingan Berpasukan

3.1.1 Tiap-tiap pasukan mengandungi 7 orang pemain iaitu 5 orang pemain lelaki dan 2 orang pemain wanita.

3.1.2 Seorang pemain dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja.

3.1.3 Susunan perlawanan sesuatu pertandingan adalah seperti berikut:

3.1.3.1 Perseorangan lelaki

3.1.3.2 Bergu lelaki

3.1.3.3 Bergu campuran

3.1.4 Senarai nama mengikut susunan perlawanan hendaklah disampaikan kepada Pengadil Kehormat 15 minit sebelum sesuatu pertandingan dimulakan.

- Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas perlawanan dimulakan.

4.0 PERALATAN

Bola pertandingan dan kelengkapan sukan yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Teknikal akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

5.1 Permainan akan dimainkan secara sistem 'Best of 5'.

5.2 Sila rujuk Perkara 9.0 Peraturan Am.

6.0 UNDIAN

Undian untuk perlawanan ini akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan.

7.0 PAKAIAN

Pemain-pemain tidak dibenarkan memakai pakaian yang sama dengan warna bola (putih) dan setiap pasukan hendaklah berpakaian seragam selain warna putih.

8.0 MELAPORKAN DIRI

Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.

9.0 KELEWATAN

Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 11-0, 11-0 & 11-0.

10.0 BANTAHAN

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

11.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am.

12.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan KARiSTA UiTM yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.